



MAJLIS DAERAH TUMPAT
JALAN TANJUNG KUALA, 16200 TUMPAT, KELANTAN

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa daripada Pemborong Bumiputera berpengalaman dan berkelayakan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Majlis Daerah Tumpat di dalam bidang **mencuci dan membersihkan atau mencuci bangunan dan membersihkan kawasan** untuk melaksanakan kerja-kerja yang dinyatakan di bawah bagi tempoh **01 Januari 2026 sehingga 31 Disember 2026**.

BIL.	KETERANGAN KERJA	SYARAT PENDAFTARAN & KELAYAKAN	PEMBAYARAN DOKUMEN
1.	Cadangan Perkhidmatan Cucian, Membersih Dan Senggaraan Bangunan Dan Membersih Kawasan Pasar Sumayyah, Bandar Bentara Tumpat, Kelantan. MDT.D582 (02) 807/1/KLT.XIV	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Bidang / Sub Bidang / Pecahan Sub Bidang	RM 50.00 dalam bentuk wang tunai yang tidak akan dikembalikan.
2.	Cadangan Perkhidmatan Cucian, Membersih Dan Senggaraan Bangunan Dan Membersih Kawasan Pasar Wakaf Bharu, Tumpat, Kelantan. MDT.D582 (02) 807/3/KLT.XIII	Kod Bidang : 221001 221002 * Sila Bawa Sijil Asal Kementerian Kewangan	RM 50.00 dalam bentuk wang tunai yang tidak akan dikembalikan

2. Lawatan tapak berhubung dengan sebut harga akan dijalankan pada hari **Selasa, 28hb Oktober 2025** bertempat di Dewan Teratai, Pantai Sri Tujuh, Tumpat bermula jam 10.30 pagi.

3. Kehadiran ke lawatan tapak tersebut adalah **DIWAJIBKAN** dan penyebut harga dikehendaki hadir sendiri tanpa wakil dan mengemukakan kad pengenalan, surat pendaftaran **ASAL** yang masih sah tempohnya dan dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia** dan **Majlis Daerah Tumpat** untuk semakan sebelum dibenarkan menyertai lawatan tapak. Satu salinan surat pendaftaran hendaklah dikemukakan untuk simpanan Majlis Daerah Tumpat semasa hendak mengambil dokumen.

4. Dokumen sebut harga akan mula dijual bermula **28hb Oktober 2025 sehingga 05hb November 2025** dengan harga RM 50.00 senaskah pada hari bekerja (Ahad - Khamis) dari jam 9.00 pagi hingga jam 3.00 petang di Bahagian Pelesenan, Kebersihan dan Kesihatan Awam Majlis Daerah Tumpat. Dokumen sebut harga hanya akan dijual kepada penyebut harga yang hadir ke lawatan tapak untuk sesi taklimat dan penerangan sebut harga sahaja.

5. Dokumen tawaran yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri/bermeteri, jenis tawaran kerja dan nombor tawaran (sebut nama pasar berkenaan) hendaklah dinyatakan di muka depan sampul surat tersebut dengan terang dan jelas serta di alamatkan kepada **Tuan Yang Dipertua, Majlis Daerah Tumpat, Jalan Tanjung Kuala, 16200 Tumpat, Kelantan** atau dimasukkan terus ke dalam peti sebut harga yang disediakan di Pejabat Majlis Daerah Tumpat.
6. Dokumen tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga sebelum atau pada hari **Khamis, 13hb November sebelum jam 12.00 tengahari**.
7. Majlis tidak akan terikat untuk menerima tawaran terendah sekali dari mana-mana tawaran.
8. Lawatan tapak adalah diwajibkan dan dijadualkan pada hari **Selasa, 28hb Oktober 2025 bertempat di Dewan Bunga Teratai, Pantai Sri Tujuh, Tumpat bermula jam 10.30 pagi**.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT, RAJA BERDAULAT"
"SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ROSLI BIN MOHAMED)
Setiausaha
b.p. Yang Dipertua
Majlis Daerah Tumpat

Ruj. Fail: MDT.D582 (02) 807/1/KLT.XIV
MDT.D582 (02) 807/3/ KLT.XIII

Bertarikh : 19hb Oktober 2025

s.k: Semua Yang Dipertua
Majlis-Majlis Daerah, Kelantan

Semua Ketua-ketua Pejabat/Jabatan

Semua Ahli Majlis
Majlis Daerah Tumpat